



MODUS OPERANDI PENAMBAHBAIKAN INSTRUMEN EPSI DAN STATUS PENILAIAN KOPERASI KREDIT DI MALAYSIA, TERCIPTANYA INSTRUMEN EPSI VERSI 2013

Mustapa Kamal Maulut

Koperasi Ukhwah Malaysia Berhad

Mohd Sahandri Gani Hamzah

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

ABSTRAK

Jumlah koperasi berdaftar di Malaysia adalah melebihi 10,087 buah dengan jumlah keanggotaan melebihi 7 juta orang dan mereka adalah layak untuk mendapat faedah pembiayaan peribadi dari koperasi kredit. Tetapi koperasi kredit sentiasa menghadapi berbagai-bagai rintangan dari polisi dalaman Suruhanjaya Koperasi Malaysia mahupun halangan luaran. Tujuan kajian ini untuk menggariskan satu prosedur penambahbaikan instrumen EPSI untuk mengukur status koperasi kredit di Malaysia. Penambahbaikan Instrumen *Entrepreneurs Perception of Success Inventory* (EPSI) yang diperkenalkan oleh Paige (1999) dijalankan secara sistematik yang melibatkan lima pakar membuat validasi dan item-item asal diperastukan tanpa pertindihan elemen penilaian mengikut atribut secara jitu.s dan indeks kesahan mencapai kriteria standard. Langkah berikutnya diipiawaikan dengan keputusan analisis faktor yang menetapkan enam atribut yang mencatat nilai kebolehpercayaan Cronbach Alra antara 0.65 hingga 0.91. Hasil daripada analisis faktor yang dijalankan ke atas 190 responden menunjukkan faktor yang dihasilkan adalah sama dengan dimensi rekabentuk yang ditetapkan dan memenuhi semua syarat yang dibincangkan oleh Hair et al (1998).

Kata kunci: Koperasi kredit, instrument *Entrepreneurs Perception of Success Inventory* (EPSI), kesahan kandungan, ujian faktor analisis, ujian kebolehpercayaan dan ujian syarat regresi berganda.

PENGENALAN

Berkoperasi membawa kesejahteraan anggota ahli khususnya dan rakyat amnya. Amalan berkoperasi memberi manfaat kesejahteraan dua hala adalah dituntut oleh



Prinsip Koperasi Rochdale (*Rochdale Principles, 1844*) dan adalah sesuai dengan kehendak material dan rohaniah manusia yang menepati perintah Allah S.W.T dalam firmanNya surah Ali-Imran 112:

“Akan ditimpa kehinaan manusia itu di mana sahaja mereka berada melainkan mereka menghubungkan diri mereka dengan habluminaAllah dan habluminannas.”

Sara Vicari (2012) menyatakan hasil berkoperasi mendatangkan berbagai-bagai kesejahteraan seperti pendidikan, makanan berkhasiat, kesihatan, kerja yang baik, akses kepada tanah, melibatkan keputusan dalam rumah tangga dan melibatkan keputusan dalam masyarakat. Keterlibatan dalam koperasi akan mengembangkan keupayaan pendidikan anggota menerusi latihan-latihan yang dianjurkan. Dalam bidang pemakanan pula, koperasi membuka jalan menjana kewangan dan pembekalan makanan berkhasiat kepada masyarakat. Penjagaan kesihatan yang baik dalam kalangan masyarakat masih pada tahap yang belum memuaskan. Melalui koperasi, sokongan secara pinjaman kewangan untuk pembiayaan kesihatan boleh diperolehi. Melalui kerja yang baik yang disediakan oleh koperasi, anggota dapat memperbaiki keperluan dalam pekerjaan mereka, memperbaiki prestasi kerja dan menambah baik kehidupan. Cabaran akses kepada tanah ialah untuk mendapatkan hak untuk tanah, tetap di tempat tersebut, mengusahakan tanah dan memasarkan hasil tani untuk pasaran dan kegunaan harian. Koperasi membantu wanita-wanita mendapat kesedaran dan membuka minda terhadap hak-hak wanita dan mengambil tanggungjawab pengurusan yang berkesan. Melalui perbincangan sosial ekonomi dalam koperasi, ia mewujudkan ahli masyarakat yang diikat dengan modal dan sosial bersama, dengan itu mereka mempunyai rasa komitmen bersama dan bersama membaiki taraf kesejahteraan masyarakat setempat.

PENYATAAN MASALAH

Sebanyak 20 koperasi member terbanyak keanggotaan koperasi di Malaysia dan mereka adalah disumbang oleh 15 koperasi kredit, dua koperasi fungsi bank kredit, tiga buah dari fungsi pengguna dan sebuah koperasi perladangan (Suruhanjaya Koperasi Malaysia SKM, 2010). Hal ini menunjukkan bahawa koperasi kredit adalah tunjang kepada gerakan koperasi di Malaysia berdasarkan bilangan keanggotaan yang ramai. Namun gerakan koperasi walaupun sudah bermula sejak 1922, sudah 90 tahun yang lampau tetapi hanya menyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia (KDNK) 2009 sebanyak 1% sahaja (Maktab Koperasi Malaysia MKM, 2012), ini adalah sumbangan yang sangat sedikit dan teruk. Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada tahun 2009 menyatakan bahawa 80% koperasi berdaftar di Malaysia adalah tidak aktif dengan jumlah nilai perniagaan tahunan



(*turn over*) di bawah RM 200,000.00. Ada yang gagal beroperasi, sehingga pada tahun 2008 terdapat 44 buah koperasi telah dibatalkan pendaftarannya oleh SKM, dan pada tahun 2009 sebanyak 61 koperasi dibatalkan pendaftaran oleh SKM (SKM, 2010).

KEPENTINGAN KAJIAN

Koperasi berdaftar di Malaysia mempunyai latar belakang berbagai-bagai fungsi atau berbagai-bagai jenis perniagaan utama yang dijalankan oleh koperasi. Dengan adanya instrumen EPSI yang mantap dalam melakukan penilaian yang tepat dan konstruktif, satu kajian dapat dijalankan bagi mengukur fungsi dan halatuju sesebuah koperasi. Instrumen ini akan menjadi barometer menentukan status pentaksiran dengan panduan aspek penambahbaikan kepada semua koperasi yang lain di Malaysia demi pencapaian kemajuan koperasi yang lebih versatil.

OBJEKTIF KAJIAN

Setelah melihat betapa pentingkan gerakan koperasi ke atas sosio dan ekonomi masyarakat, maka aspek penyelidikan melalaui penggunaan EPSI yang realistik diperlukan dalam merencana kejayaan koperasi. Justeru dua objektif berikut ditetapkan:

- Memilih dan menggunakan EPSI yang sesuai dengan fungsi dan peranan koperasi yang dilabelkan indeks kebolehpercayaan yang tinggi.
- Menghasilkan instrumen EPSI Versi 2013 yang mengukur dan menterjemahkan dalam bentuk atribut yang sepatutnya boleh mengukur apa yang hendak diukur sama ada dalam bentuk kajian atau pentaksiran.

SOROTAN KAJIAN

Kafh (1978) menyatakan konsep kejayaan seseorang usahawan tidak hanya dinilai dari sudut keuntungan semata-mata sebaliknya ajaran Islam juga menekankan pemaksimuman faedah sosial untuk masyarakat. Teori penetapan matlamat oleh Locke (1968) menyatakan bahawa matlamat yang sukar dan jelas akan menyebabkan prestasi individu yang lebih baik jika individu tersebut menerima matlamat itu dengan baik. Zahiruddin (2011) menyatakan kejayaan dipengaruhi oleh personaliti atau keperibadian seseorang usahawan sama ada personaliti berorientasi tindakan atau pun personaliti berorientasikan keadaan. Pemimpin yang memanfaatkan perancangan strategik mempunyai prestasi yang lebih baik daripada mereka yang hanya bertindak balas terhadap persekitaran (Parnell & Wright, 1993; Salju &



Hrebiniak, 1980). Kepimpinan adalah hubungan seseorang dengan pemegang taruh (*stakeholder*) atau dikenali sebagai kepimpinan antara insan. Kemampuan untuk memimpin pemegang taruh sangat penting untuk berjaya (Kim & Mauborgne, 2000). Kemampuan seseorang untuk menguruskan pengetahuan dan melaksanakan pengetahuan adalah sangat penting untuk persekitaran yang kompleks dan selalu berubah (Nonaka & Takeuchi, 1995; Presnell, 1999). Pengetahuan pengurusan dan organisasi pekerja sangat penting untuk berjaya (de Holan, Phillips & Lawrence, 2004; Govindarajan & Trimble, 2004). Adnan (1992) pula menegaskan bahawa elemen yang membezakan antara keusahawanan Barat dengan keusahawanan Islam adalah dari segi motivasi, iaitu motivasi matlamat akhir keusahawanan Islam adalah untuk mendapatkan keredhaan Allah. Keredhaan Allah menimbulkan motivasi yang sangat kuat bagi seseorang Muslim untuk berjaya dalam bidang keusahawanan sekiranya hal itu benar-benar dihayati. Emanuel (2009) menyatakan aktiviti mikro kredit mestilah menyesuaikan perniagaannya dengan nilai-nilai budaya Malaysia dan yang sangat penting adalah Malaysia selaku negara Islam dan mempunyai majoriti penduduknya beragama Islam. Maka produk pembiayaan mikro itu hendaklah menepati agama Islam, di mana umat Islam lebih cenderung melanggan produk Islam berbanding produk konvensional.

ALGORITHM PENAMBAHBAIKAN EPSI

Kesahan (validasi) Kandungan Instrumen Kajian

Instrumen EPSI yang melalui olahan dan pengubahsuaian strategik mengandungi 67 item semuanya seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1. Instrumen asal dalam Bahasa Inggeris dibina oleh Yurkiewicz (1996), Sun (2003), Valdez (2009). Namun begitu (2004) telah menterjemahkannya dalam Bahasa Malaysia dan Zahiruddin (2011) telah membuat beberapa pindaan bagi menyesuaikan kegunaan mengikut pembiayaan secara Islam dalam Bahasa Inggeris dan telah diubah bahasa kepada Bahasa Malaysia dan telah disemak oleh dua orang pensyarah kanan bahasa Universiti Malaya. Item-item dalam bahagian ini telah diklasifikasikan kepada lima Dimensi iaitu Kejayaan, Penetapan Matlamat, Personaliti, Pengetahuan, Motivasi dan Pembiayaan Secara Islam. Set instrumen EPSI telah dikemukakan kepada kumpulan lima panel pakar dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Maktab Koperasi Malaysia dan Angkatan Kebangsaan Koperasi Malaysia (ANGKASA) untuk semakan kesahan (validasi) kandungan item, proses semakan tersebut dijalankan sebanyak tiga kali berulang kepada kesemua lima panel pakar di atas. Susunan dimensi dan bilangan item yang dipersetujui adalah seperti yang dirumuskan pada Jadual 1:

**Jadual 1:** Bilangan Item Mengikut Dimensi

| No | Dimensi Bil. | Item |
|----|-------------------------|------|
| 1. | Demografi | 14 |
| 2. | Faktor Kejayaan | 4 |
| 3. | Penetapan Matlamat | 9 |
| 4. | Personaliti | 8 |
| 5. | Pengetahuan | 23 |
| 6. | Motivasi | 5 |
| 7. | Pembiayaan Secara Islam | 4 |
| | Jumlah | 67 |

Demografi

Dimensi ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang responden. Terdapat 14 soalan yang dikemukakan (rujuk lampiran) yang melibatkan soalan berkaitan kelulusan, umur, jawatan, jantina, bangsa, tempoh pendaftaran koperasi, bilangan kakitangan koperasi, jenis produk kredit, modal pinjaman luar, perniagaan lain, peratus keuntungan dan nilai keuntungan bersih koperasi.

Pengukuran Kejayaan

Mengikut model Paige (1999), Dimensi Faktor Kejayaan diadaptasi hasil daripada penemuan Yurkiewicz (1996), Sun (2003), Valdez (2009) dan Zahiruddin (2011) berkaitan Kejayaan Industri Kecil Sederhana (IKS) dalam Sektor Perkilangan di Malaysia, yang telah dirujuk kepada “*Entrepreneurs’ Perception of Success Inventory*” (EPSI) oleh (Paige, 1999). Pada asal item instrumen ini mengandungi 8 item tetapi telah digugurkan sebanyak 4 item oleh lima panel pakar daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Maktab Koperasi Malaysia dan Angkatan Kebangsaan Koperasi Malaysia (ANGKASA) seperti ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2: Ukuran Kejayaan Koperasi Kredit

| Bil | Jenis-jenis kejayaan yang diukur |
|-----|--|
| B1 | Peningkatan tahunan nilai bersih koperasi |
| B2 | Saya mendapat kepuasan peribadi bekerja dalam bidang ini |
| B3 | Koperasi berjaya memberi faedah kepada anggota |
| B4 | Koperasi berjaya memberi kebajikan kepada masyarakat |

Pengguguran 4 item (Jadual 2) dengan justifikasi tidak sesuai dengan Akta Koperasi Malaysia 1993. Oleh itu hanya tinggal 4 item dikekalkan berupaya untuk mengukur



kejayaan koperasi kredit. Bloom (1999) menyatakan item pemboleh ubah adalah antara tiga hingga lapan dibolehkan.

Penetapan Matlamat

Item-item yang digunakan untuk mengukur penetapan matlamat adalah dipetik dari Yurkiewicz (1996). Pada asalnya item yang mewakili dimensi ini berjumlah 15, tetapi telah digugurkan sebanyak 6 item oleh lima panel pakar berdasarkan ketidakesuaian dengan Akta Koperasi Malaysia 1993. Justeru hanya 9 item dikekalkan seperti ditunjukkan pada Jadual 3.

Jadual 3: Penetapan Matlamat

| Bil | Penyataan |
|-----|--|
| C1 | Bagaimanakah sukarnya untuk anda berjaya mencapai matlamat tersebut? |
| C2 | Adakah anda fikir bahawa kemajuan terhadap mencapai matlamat tersebut berada di landasan yang betul? |
| C3 | Bagaimana tidak puas hatinya anda dengan kemajuan semasa untuk mencapai matlamat tersebut? |
| C9 | Bandingkan dengan kemajuan yang telah anda capai terhadap matlamat yang ditetapkan. Bagaimanakah dekatnya untuk anda capai dengan jayanya? |
| C4 | Menetapkan matlamat dengan jelas adalah penting untuk berjaya mencapai matlamat tersebut. |
| C5 | Menetapkan matlamat yang jelas membantu anda untuk mengubah suai perancangan bagi memastikan berjaya mencapai matlamat tersebut. |
| C6 | Bilakah anda menjangkakan untuk mencapai matlamat tersebut? |
| C7 | Apabila membuat penetapan matlamat, matlamat yang penting perlu diberi keutamaan untuk disenaraikan. |
| C8 | Bagaimanakah pentingnya matlamat tersebut kepada anda? |

Personaliti

Dimensi Personaliti dipetik daripada 'Personality Questionnaire' oleh Kuhl (1985). Pada asalnya dimensi ini mengandungi sebanyak 10 tetapi telah digugurkan hanya 1 item sahaja oleh 5 panel pakar berdasarkan ketidakmampuan mengukur Personaliti berkaitan dengan Akta Koperasi Malaysia 1993. Oleh itu sebanyak 9 item dikekalkan seperti yang disenaraikan pada Jadual 4.

**Jadual 4: Personaliti**

| Bil | Pernyataan |
|-----|--|
| D1 | Berdasarkan sifat persekitaran semasa perniagaan, adalah baik untuk menerokanya perlahan-lahan. |
| D2 | Bersifat berani dengan tingkah laku yang pelbagai ragam adalah berguna dalam persekitaran semasa perniagaan. |
| D3 | Secara amnya, saya sangat berpuas hati dengan kerja yang saya buat. |
| D4 | Secara amnya, saya amat berpuas hati dengan kerja yang saya lakukan untuk koperasi. |
| D5 | Saya mengalu-alukan masa depan perniagaan saya dengan penuh harapan dan semangat. |
| D6 | Saya mempunyai kepercayaan yang penuh dengan masa depan perniagaan koperasi. |
| D7 | Apabila saya melihat ke masa akan depan, saya menjangkakan perniagaan koperasi akan menjadi lebih berjaya dari sekarang. |
| D8 | Pada masa depan, saya jangkakan perniagaan koperasi akan berjaya. |

Pengetahuan

Kajian lalu (Zahiruddin 2011; Boone & Kurtz, 1985; Malcolm Baldrige National Quality Award yang dipetik dalam Stephens, 2000; Paige, 1999; Toney, 1995) telah mengambilkira ilmu pengetahuan yang didapati berasaskan empat kategori pengetahuan iaitu: (1) perancangan dan pengorganisasian, (2) kepimpinan sendiri, (3) kepimpinan antara insan, dan (4) pengurusan sistem. Pada asalnya kategori ini terdiri sebanyak 35 item. Dalam proses penyesuaian kuasa mengukur pengetahuan. Panel bertindak menggugurkan 12 item berdasarkan tidak sesuai mengukur pengetahuan berkaitan Akta Koperasi Malaysia 1993 seperti yang disenaraikan pada Jadual 5.



Jadual 5: Pengetahuan

| Bil | Pernyataan |
|------------|---|
| E1 | Koperasi saya mengambil masa untuk merancang perjalanan perniagaan saya. |
| E2 | Secara purata, saya berkecenderungan untuk bekerja lebih masa dalam perniagaan koperasi berbanding pekerja lain. |
| E3 | Koperasi saya mempunyai pelan perniagaan secara bertulis. |
| E4 | Saya bertindak sebagai model peranan untuk menyampaikan nilai-nilai saya kepada orang bawahan. |
| E5 | Saya bertindak balas terhadap kejadian apabila ianya berlaku berbanding membuat perancangan teliti. |
| E6 | Saya biasanya tidak terkejut dengan kejadian yang berlaku di luar koperasi saya kerana saya sentiasa peka. |
| E7 | Apabila merancang, saya pertimbangkan maklumat daripada mereka yang terlibat seperti pelanggan, pembekal dan pekerja. |
| Bil | Pernyataan |
| E8 | Saya selalu membuat perubahan terhadap pelan perniagaan koperasi berdasarkan faktor-faktor persekitaran. |
| E9 | Saya pantas mengambil tindakan tanpa mengambil banyak masa untuk mengumpul maklumat- maklumat berkenaan situasi terbabit. |
| E10 | Saya mengalu-alukan pendapat yang kritikal untuk memperbaiki prestasi koperasi. |
| E11 | Saya menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi kawasan fungsian perniagaan koperasi saya. |
| E12 | Saya menggalakkan pekerja saya untuk membuat eksperimen dengan idea dan konsep baru bagi mencipta pendekatan inovatif. |
| E13 | Saya memberikan latihan dan pembangunan kepada pekerja koperasi. |
| E14 | Saya secara aktif mencari pengetahuan berkenaan pelanggan koperasi dan pasaran. |
| E15 | Saya sedar tentang produk/perkhidmatan dan struktur harga pesaing koperasi. |
| E16 | Saya tahu pulangan atas pelaburan kempen pengiklanan koperasi. |
| E17 | Saya tahu berapa untung kasar koperasi. |
| E18 | Untuk mengemaskini dengan teknologi dan maklumat, saya menyertai aktiviti pembelajaran melalui seminar, bengkel, pameran dagangan dan bercakap dengan pembekal. |
| E19 | Saya faham bagaimana penyata kewangan menggambarkan perniagaan koperasi. |
| E20 | Saya mengawasi, mentafsir dan memberi respon terhadap kejadian kompetitif luaran, ekonomi dan sosial. |

**Jadual 5:** *samb.*

| | |
|-----|--|
| E21 | Saya secara kritikal menganalisa prestasi lalu dan peluang masa depan dan mengambil tindakan untuk meningkatkan prestasi koperasi. |
| E22 | Saya terlibat secara aktif dengan analisis pasaran. |
| E23 | Saya terlibat secara aktif dalam meninjau pelanggan koperasi. |

Motivasi

Motivasi umum diperkenalkan oleh Zahirudin (2011) dan Valdez pada tahun 2009. Pada asalnya instrumen yang digunakan mengandungi 10 item tetapi telah digugurkan sebanyak 5 item oleh panel dengan alasan kurang sesuai dengan Akta Koperasi Malaysia 1993. Justeru mereka bersetuju mengekalkan 5 item sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 6.

Jadual 6 : Motivasi

| | |
|----|--|
| F1 | Saya memberikan tumpuan penuh terhadap perasaan orang lain di tempat kerja. |
| F2 | Saya cuba berusaha keras untuk memperbaiki prestasi di tempat kerja. |
| F3 | Bila saya ada pilihan, saya cuba untuk bekerja dalam kumpulan daripada bersendirian. |
| F4 | Saya meluahkan ketidaksetujuan saya dengan orang lain secara terbuka. |
| F5 | Saya cuba untuk memberikan yang lebih baik daripada rakan sekerja koperasi. |

Pembiayaan Secara Islam

Konsep Pembiayaan Secara Islam diketengahkan oleh Kamisan (2004), Instrumen asal dalam Bahasa Inggeris telah diterjemahkan terlebih dahulu kepada Bahasa Malaysia oleh dua pensyarah pakar Universiti Malaya. Pada asalnya dimensi ini mengandungi 7 item tetapi digugurkan sebanyak 2 item oleh lima panel dengan merujuk print out data yang diproses dengan mengmbilkira pernyataan “*if item deleted*”. Oleh itu hanya tinggal 4 item yang digunakan seperti dirumuskan pada Jadual 7.



Jadual 7: Pembiayaan Secara Islam

| Bil | Pernyataan |
|-----|--|
| G1 | Adakah kamu menyokong pendapat bahawa pinjaman secara Islam adalah lebih menguntungkan berbanding pinjaman konvensional |
| G2 | Adakah kamu menyokong pendapat bahawa pinjaman secara Islam lebih berisiko tinggi berbanding pinjaman konvensional. |
| G3 | Adakah kamu menyokong pendapat bahawa pinjaman Qardul Hassan adalah berlandaskan perkhidmatan kebajikan dan bukannya tujuan keuntungan ekonomi. |
| G4 | Adakah kamu menyokong pendapat bahawa konsep pembiayaan menurut Bai Bitamin Ajil berdasarkan nilai pasaran hartanah disebalik kos kewangan aset. |

UJIAN KESAHAN (VALIDASI) KANDUNGAN INSTRUMENN

Untuk menyediakan satu kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia perlu melalui beberapa proses semakan dan tapisan. Peringkat pertama, instrumen yang ditemui di tesis (Zaharudin, 2011) ditunjukkan untuk semakan dan perbincangan dengan penyelia utama dan penyelia bersama. Untuk kesahan muka (*face validity*), penyelidik telah menunjukkan soalan selidik kepada dua pensyarah bahasa dari Universiti Malaya untuk menyemak struktur dan laras Bahasa Malaysia yang digunakan dalam soal selidik ini. Gay et al., (2003) menyatakan bahawa kesahan kandungan boleh dirujuk dan disemak kepada pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing dan Burn & Grove (1973) & Wilson (1989) mencadangkan hanya lima hingga tujuh orang sahaja telah memadai dalam satu-satu kajian. Dalam kajian ini, penyelidik telah mendapat khidmat seramai lima orang pakar yang berpengalaman dalam bidang koperasi. Pengkaji menggunakan khidmat kepakaran dari institusi yang berotoriti di Malaysia dalam bidang koperasi iaitu masing-masing dua orang dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Maktab Koperasi Malaysia manakala seorang dari Angkatan Kebangsaan Koperasi Malaysia (ANGKASA). Mereka diminta menilai terhadap setiap item berdasarkan skala 1 (sangat tidak sesuai), 2 (tidak sesuai), 3 (agak sesuai), 4 (sesuai) dan 5 (sangat sesuai). Keputusan panel terhadap kesahan kandungan instrumen kajian seperti ditunjukkan dalam Jadual 9. Dapatan seperti yang dirumuskan pada Jadual 8 menunjukkan min keseluruhan kesesuaian dan ketepatan item-item bagi mengukur pemboleh ubah kajian mengikut penilaian pakar adalah antara 4.35 hingga 4.72 atau nilai peratus adalah antara 87 peratus hingga 94.4 peratus atau indeks kesahan Antara 0.87 hingga 0.94. Menurut Mohd. Sahandri et al., (2013), tahap minimum peratus persetujuan pada setiap item yang divalidasi oleh pakar-pakar adalah tidak kurang dari 80 peratus. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa item-item dalam instrument EPSI versi 2013 ini adalah mempunyai kesahan (validasi) kandungan yang baik seperti perangkaan yang ditunjukkan pada Jadual 8.

Jadual 8: Keputusan Min Nilai Panel Tentang Kesahan Kandungan Instrumen

| Pemboleh Ubah Kajian | Min Penilai | | | | | Min Keseluruhan | Peratus (Indeks) |
|----------------------------|-------------|------------|------------|------------|------------|--------------------|---------------------|
| | Pakar 1 | Pakar 2 | Pakar 3 | Pakar 4 | Pakar 5 | | |
| Fenomena | 4.50 | 4.75 | 4.75 | 4.50 | 4.75 | 4.65 | 93.0 (.93) |
| Kejayaan | 4.25 | 4.25 | 4.75 | 4.50 | 4.25 | 4.40 | 88.0 (.88) |
| Koperasi | 4.60 | 4.80 | 4.60 | 4.60 | 5.00 | 4.72 | 94.4 (.94) |
| Penetapan | 4.75 | 4.75 | 4.50 | 4.25 | 4.50 | 4.55 | 91.0 (.91) |
| Matlamat | 4.50 | 4.75 | 4.25 | 5.00 | 4.25 | 4.55 | 91.0 (.91) |
| Kesukaran | 4.50 | 4.50 | 3.85 | 4.65 | 4.25 | 4.35 | 87.0 (.87) |
| Penetapan | 4.40 | 4.60 | 4.20 | 4.20 | 4.80 | 4.44 | 88.8 (.89) |
| Matlamat | | | | | | | |
| Kejelasan | | | | | | | |
| Personaliti | | | | | | | |
| Tindakan | | | | | | | |
| Personaliti | | | | | | | |
| Keadaan | | | | | | | |
| Pengetahuan | | | | | | | |
| Perancangan | | | | | | | |
| Pengetahuan | | | | | | | |
| Kepimpinan | | | | | | | |
| Pemboleh Ubah Kajian | Min Penilai | | | | | Min Keseluruhan | Peratus (Indeks) |
| | Pakar 1 | Pakar 2 | Pakar 3 | Pakar 4 | Pakar 5 | | |
| Motivasi | 4.60 | 4.40 | 4.40 | 4.60 | 5.00 | 4.60 | 92.0 (.92) |
| Produk | 4.75 | 4.50 | 4.00 | 5.00 | 4.50 | 4.55 | 91.0 (.91) |
| Secara Islam | | | | | | | |

KAJIAN RINTIS

Satu ujian rintis instrumen EPSI versi 2013 dijalankan ke atas 30 orang Anggota Lembaga Koperasi Kredit yang terbaik dari sekitar Kuala Lumpur dan keputusan kebolehppercayaan item mengikut Dimensi adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 9.

Jadual 9: Nilai Cronbach Alfa Mengikut Dimensi

| Bahagian | Dimensi (Pemboleh Ubah) | Bil. item | Nilai Cronbach Alfa Asal | Nilai Cronbach Alfa Kajian Rintis |
|----------|--|--------------|--------------------------------|---|
| A | Demografi | 14 | - | - |
| B | Kejayaan | 4 | 0.87 | 0.69 |
| C | Penetapan Matlamat (Kesukaran dan kejelasan) | 9 | 0.96 | 0.91 |
| D | Personaliti Berorientasikan (Tindakan dan Keadaan) | 8 | 0.93 | 0.90 |
| E | Pengetahuan (Perancangan, Kepimpinan dan Pengurusan) | 23 | 0.93 | 0.91 |
| F | Motivasi | 5 | 0.96 | 0.79 |
| G | Pembiayaan Secara Islam | 4 | Baharu* | 0.65 |

Perangkaan pada Jadual 9, menunjukkan semua Dimensi EPSI versi 2013 menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* yang tinggi iaitu antara 0.69 hingga 0.91. Nunnally (1967). Menurut Pallant (2001) pula, nilai indeks alpha sebanyak 0.7 atau ke atas adalah baik untuk skala instrumen yang mempunyai sepuluh atau lebih item. Manakala nilai Cronbach Alfa sebanyak 0.5 pula dianggap baik untuk skala instrumen yang mempunyai kurang daripada sepuluh item. Nilai Cronbach Alfa melebihi 0.60 sering digunakan oleh pengkaji-pengkaji sebagai indeks kebolehpercayaan dalam kajian (Mohd. Majid, 1990)

KAJIAN SEBENAR

Populasi kajian

Bagi kajian ini populasi ialah semua Anggota Lembaga Koperasi kredit yang dikategorikan dalam lingkungan 100 koperasi terbaik tahun 2012, manakala bilangan Anggota Lembaga adalah 9 orang setiap koperasi kredit sebagai nilai kebiasaannya sesuai dengan Akta Koperasi 1993, termasuklah kakitangan kanan selaku pengurus aktiviti kredit koperasi di mana beliau adalah pegawai yang sangat tahu dan mahir dengan aktiviti kredit dan menyertai mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi dalam perbincangan aktiviti kredit. Sebanyak 35 buah koperasi kredit berjaya menjadi pemenang dari sejumlah 100 koperasi terbaik seperti yang disenaraikan pada Jadual 10.

**Jadual 10:** Bilangan Koperasi Kredit Antara 100 Terbaik di Malaysia (2012)

| Negeri | Bilangan |
|---------------|-----------|
| Kedah | 1 |
| Kuala Lumpur | 17 |
| Melaka | 1 |
| NS | Tiada |
| Pahang | 1 |
| Pulau Pinang | 3 |
| Perak | 2 |
| Kelantan | 2 |
| Sabah | 1 |
| Sarawak | 1 |
| Selangor | 1 |
| Terengganu | 1 |
| Johor | 3 |
| Jumlah | 35 |

Sampel dan Kaedah Persampelan

Proses sampel kajian melibatkan lima aspek utama iaitu definisi populasi, pemilihan kerangka pensampelan, pemilihan reka bentuk kajian, penetapan saiz sampel dan pemilihan sampel (Aaker, Kumar dan Day, 1995). Pemilihan sampel kajian ini adalah melibatkan Anggota Lembaga Koperasi dari 35 koperasi kredit yang tersenarai dalam 100 indek koperasi terbaik di Malaysia bagi tahun 2012 yang disenarai oleh Koperasi Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada sembilan orang Anggota Lembaga Koperasi dan ditambah dengan seorang pengurus kredit paling kanan. Ini bermakna sebanyak sepuluh responden mewakili setiap koperasi. Bilang responden ini pula dipilih secara rawak ke atas 35 buah koperasi kredit terbaik di Malaysia serta menjadikan sampel sebanyak 350 orang. Justeru penyelidik mengedarkan instrumen EPSI versi 2013 ke atas 350 anggota Lembaga Koperasi Kredit.

Teknik Pengumpulan Data

Data dikumpul melalui instrumen EPSI versi 2013 yang dihantar secara pos kepada setiap wakil Koperasi Kredit. Setiap instrumen disertakan dengan satu sampul surat berselem dan beralamat penyelidik bagi memudahkan responden menghantar kembali instrument yang telah lengkap diisi. Selain itu, temujanji dibuat bagi bertemu serentak dengan seluruh Anggota Lembaga Koperasi ketika mesyuarat bulanan Lembaga Koperasi diadakan. Penyelidik berusaha untuk menjalankan lawatan ke 35 buah koperasi yang terpilih dari seluruh Malaysia seperti ditunjukkan pada Jadual 10. Dalam pertemuan tersebut, penyelidik membuat penerangan kepada Anggota Lembaga yang hadir manakala bagi Anggota Lembaga yang tidak hadir,



penyelidik membuat panggilan telefon dan kemudiannya menghantar instrumen secara pos kepada Anggota Lembaga tersebut. Selebihnya penyelidik membuat temu janji terus kepada Anggota Lembaga Koperasi untuk mendapat baki jawapan soal selidik tersebut. Hasil dari temu janji dan penghantaran instrumen secara pos, instrumen yang berjaya dikumpul adalah 197 set.

Semua 197 instrumen ditandakan dengan ID dan data yang diperolehi dari instrumen ini dipindahkan (key in) ke dalam perisian “*Statistical Package for the Social Sciences*” (SPSS) versi 21. Proses pengisian data dimulakan dengan menetapkan dan melegkapkan spesifikasi setiap variable (view) dan seterusnya mengisi data. Setelah data responden dipindahkan dalam perisian SPSS, pembersihan data dilakukan. Mana-mana responden yang tidak lengkap atau *missing value* dikenalpasti dan data ini kemudiannya akan disingkirkan. Sehubungan itu, sebanyak tujuh responden disingkirkan mengakibatkan tinggal 190 data responden untuk dianalisis dengan perisian SPSS. Mengikut jadual persampelan oleh Israel (1992), bagi populasi 350 orang, maka pada ketepatan 95 peratus (5% *precision of sample*) adalah 187 orang, dengan itu data responden yang digunakan dalam kajian ini adalah 190 orang adalah mencukupi.

DAPATAN KAJIAN

Penentuan Faktor

Lanjutan daripada ketekalan dimensi item bagi instrumen EPSI versi 2013, ujian Analisis Faktor (*Factor Analysis*) dilakukan bagi mengesahkan pengumpulan diklasterkan mengikut faktor yang benar-benar mewakili kandungan aspek yang hendak dinilai. Nunnally (1978). Analisis faktor juga merupakan konfirmatori kepada huraian yang dibuat oleh Hair, Anderson, Tatham dan Black (1998). Selain daripada penentuan dimensi instrument dilakukan secara rekabentuk persejarahan, analisis faktor secara statistik dijalankan bagi mendaapat kesahan dua kriteria dalam satu-satu Dimensi iaitu fenomena kejayaan (4 item), penetapan matlamat kesukaran (4 item), penetapan matlamat kejelasan (5 item), personaliti tindakan (4 item), personaliti keadaan (4 item), pengetahuan perancangan (8 item), pengetahuan kepimpinan (5 item), pengetahuan pengurusan (10 item), motivasi (5 item) dan pembiayaan secara Islam (4 item). Keputusan secara terperinci Jadual 11 hingga 13.

Hair et al., (1998) mencadangkan lima syarat bagi mengesahkan kebolehpercayaan instrumen melalui analisis faktor bagi pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini:

Nilai *Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy* (KMO) hendaklah $0.6 < \text{KMO} < 0.90$ (Hair et al., 1998; Meyer et al., 2006). Nilai 0.5 dan kurang adalah ukuran tidak lulus syarat analisis faktor bagi pemboleh ubah tersebut. Ujian KMO



mempamerkan *multicollinearity*, jika nilai korelasi yang sama wujud antara dua atau lebih item, item-item tersebut mengukur aspek yang sama. Nilai KMO yang dikehendaki ialah $> .50$, ini menunjukkan data tidak ada masalah *multicollinearity* yang serius, maka item-item tersebut sesuai untuk terus diuji dengan ujian analisis faktor.

Nilai *Barlett's Test of Sphericity*, $p < .05$, (Hair *et al.*, 1998; Meyer *et al.*, 2006) menunjukkan pemboleh ubah adalah bebas dan lulus saringan faktor analisis. Ujian ini digunakan untuk melihat nilai Sig. adakah ia menunjukkan $p < .05$, jika nilainya signifikan, maka korelasi antara item-item memadai untuk dilakukan analisis faktor. Nilai *Eigen* lebih daripada 1 adalah signifikan bagi melepasi syarat analisis faktor (Hair *et al.*, 1998; Meyer *et al.*, 2006).

Faktor muatan (*loading factor*) yang signifikan mestilah 0.4 dan ke atas (Meyer *et al.*, 2006). Item yang mempunyai faktor muatan kurang dari 0.4, dipanggil mempunyai 'crossloading' tidak akan dikekalkan dalam kajian ini. Responden kurang sedikit dari 200 menurut Hair *et al.*, (1998) diperlukan bernilai 0.40.

Peratusan varians yang dijelaskan mestilah sekurang-kurangnya 60% dari jumlah keseluruhan varians (Meyer *et al.*, 2006).

Chua Yan Piaw (2009) menyatakan penentuan samaada item-item perlu disingkir atau tidak bergantung kepada tujuan kajian, sekiranya tujuan kajian adalah untuk membuat perbezaan antara konstruk-konstruk, maka item-item itu perlu disingkirkan kerana suatu item tidak boleh mewakili dua konstruk dalam analisis perbandingan antara konstruk.

Analisis Faktor Pemboleh Ubah: Personaliti Berorientasikan Tindakan dan Keadaan

Jadual 11 menunjukkan dapatan analisis faktor terhadap pemboleh ubah 'Personaliti Berorientasikan Tindakan dan Keadaan'. Didapati bahawa nilai *Eigen*, *KMO*, *Sphericity Bartlett* dan Anti-Imej Matriks Korelasi dan peratus varians melepasi syarat analisis faktor mengikut tafsiran Hair *et al.*, (1998). Sebanyak dua faktor dimensi yang dapat diinterpretasi dalam pemuatan faktor iaitu Faktor 1 yang mewakili 'Personaliti Berorientasikan Tindakan' dan Faktor 2 yang mewakili 'Personaliti Berorientasikan Keadaan' dan tiada item yang digugurkan daripada analisis ini.



Jadual 11: Struktur Faktor dan Pemuatan Faktor Personaliti Berorientasikan Tindakan dan Keadaan dan Nilai Keseragaman Item (N=190)

| Bil | Item | Anti-Imej Matriks Korelasi | Pemuatan Faktor | |
|----------------------------------|--|----------------------------------|---|--|
| | | | Faktor 1 | Faktor 2 |
| D1 | Berdasarkan sifat persekitaran semasa perniagaan, adalah baik untuk menerokanya perlahan-lahan | .769 | .621 | |
| D2 | Bersifat berani dengan tingkah laku yang pelbagai ragam adalah berguna dalam persekitaran semasa perniagaan. | .823 | .710 | |
| D3 | Secara amnya, saya sangat berpuas hati dengan kerja yang saya buat. | .616 | .895 | |
| D4 | Secara amnya, saya amat berpuas hati dengan kerja yang saya lakukan untuk koperasi. | .622 | .871 | |
| D5 | Saya mengalu-alukan masa depan perniagaan koperasi dengan penuh harapan dan semangat | .691 | | .860 |
| D6 | Saya mempunyai kepercayaan yang penuh dengan masa depan koperasi | .723 | | .925 |
| D8 | Pada masa depan, saya jangkakan perniagaan koperasi akan Berjaya | .713 | | .809 |
| | Faktor | | Personaliti Berorientasikan Tindakan | Personaliti Berorientasikan Keadaan |
| Nilai Eigen | | | 5.347 | .834 |
| Peratus Varians | | | 66.832 | 10.426 |
| KMO | | .846 | | |
| Ujian Sphericity Bartlett | | 1412.383 | | |
| Df | | 28 | | |
| Sig. | | .000 | | |
| Jumlah % Varians | | 77.258 | | |



Analisis Faktor Pemboleh Ubah: Personaliti Berorientasikan Kesukaran dan Kejelasan

Jadual 12 menunjukkan dapatan analisis faktor terhadap pemboleh ubah 'Personaliti Berorientasikan Kesukaran dan Kejelasan'. Didapati bahawa nilai *Eigen*, *KMO*, *Sphericity Bartlett* dan Anti-Imej Matriks Korelasi dan peratus varians melepasi syarat analisis faktor mengikut tafsiran Hair *et al.*, (1998). Sebanyak dua faktor dimensi yang dapat diinterpretasi dalam pemuatan faktor iaitu Faktor 1 yang mewakili 'Personaliti Berorientasikan kesukaran dan Faktor 2 yang mewakili 'Personaliti Berorientasikan Kejelasan' dan tiada item yang digugurkan daripada analisis ini.

Jadual 12: Struktur Faktor dan Pemuatan Faktor Penetapan Matlamat Kesukaran dan Kejelasan dan Nilai Keseragaman Item (N=190)

| Bil | Item | Pemuatan Faktor | | |
|-----|---|----------------------------|----------|----------|
| | | Anti-Imej Matriks Korelasi | Faktor 1 | Faktor 2 |
| C1 | Bagaimanakah sukarnya untuk anda berjaya mencapai matlamat tersebut | .756 | .421 | |
| C2 | Adakah anda fikir bahawa kemajuan terhadap mencapai matlamat tersebut berada di landasan yang betul | .627 | .735 | |
| C3 | Bagaimana tidak puas hatinya anda dengan kemajuan semasa untuk mencapai matlamat tersebut | .750 | .701 | |
| C9 | Bandingkan dengan kemajuan yang telah anda capai terhadap matlamat yang ditetapkan. Bagaimanakah dekatnya untuk anda capai dengan jayanya | .614 | .846 | |
| C4 | Menetapkan matlamat dengan jelas adalah penting untuk berjaya mencapai matlamat tersebut | .799 | | .925 |
| C5 | Menetapkan matlamat yang jelas membantu anda untuk mengubah suai perancangan bagi memastikan berjaya mencapai matlamat tersebut | .793 | | .911 |
| C6 | Bilakah anda menjangkakan untuk mencapai matlamat tersebut | .577 | | .695 |



Jadual 12: samb

| | | | | |
|----------------------------------|---|----------|-------------------------------------|-------------------------------------|
| C7 | Apabila membuat penetapan matlamat, matlamat yang penting perlu diberi keutamaan untuk disenaraikan | .793 | | .915 |
| C8 | Bagaimanakah pentingnya matlamat yang anda senaraikan kepada anda | .786 | | .925 |
| Faktor | | | Penetapan Matlamat Kesukaran | Penetapan Matlamat Kejelasan |
| <i>Nilai Eigen</i> | | | 3.637 | 2.327 |
| Peratus Varians | | | 40.414 | 25.861 |
| KMO | | .740 | | |
| Ujian Sphericity Bartlett | | 1023.583 | | |
| Df | | 36 | | |
| Sig. | | .000 | | |
| Jumlah % Varians | | 66.275 | | |

Analisis Faktor Pemboleh Ubah: Pengetahuan Perancangan, Kepimpinan, Pengurusan

Jadual 13 menunjukkan dapatan analisis faktor terhadap pemboleh ubah Pengetahuan Perancangan, didapati bahawa nilai *Eigen*, *KMO*, *Sphericity Bartlett*, jumlah peratus varians dan Anti-Imej Matriks Korelasi melepasi syarat analisis faktor mengikut tafsiran Hair *et al.*, (1998). Sebanyak tiga faktor dimensi yang dapat diinterpretasi dalam pemuatan faktor iaitu Faktor 1 yang mewakili 'Pengetahuan Pengurusan', Faktor 2 yang mewakili 'Pengetahuan Kepimpinan' dan Faktor 3 yang mewakili 'Pengetahuan Perancangan'. E5 telah tergugur hasil dari proses pemuatan analisis faktor.



Jadual 13: Struktur Faktor dan Pemuatan Faktor Pengetahuan Perancangan dan Nilai Keseragaman Item (N=190)

| Bil | Item | Anti-Imej Matriks Korelasi | Pemuatan Faktor | | |
|-----|--|----------------------------------|-----------------|----------|----------|
| | | | Faktor 1 | Faktor 2 | Faktor 3 |
| E1 | Koperasi saya mengambil masa untuk merancang perjalanan perniagaan. | .847 | .663 | | |
| E2 | Secara purata, saya berkecenderungan untuk bekerja lebih masa dalam perniagaan koperasi berbanding pekerja lain. | .601 | .668 | | |
| E3 | Koperasi saya mempunyai pelan perniagaan secara bertulis. | .876 | .710 | | |
| E4 | Saya bertindak sebagai model peranan untuk menyampaikan nilai-nilai saya kepada orang bawahan. | .837 | .607 | | |
| E6 | Saya biasanya tidak terkejut dengan kejadian yang berlaku di luar koperasi saya kerana saya sentiasa peka. | .885 | .536 | | |
| E7 | Apabila merancang, saya pertimbangkan maklumat daripada mereka yang terlibat seperti pelanggan, pembekal dan pekerja. | .754 | .566 | | |
| E8 | Saya selalu membuat perubahan terhadap pelan perniagaan koperasi berdasarkan faktor-faktor persekitaran. | .820 | .703 | | |
| E9 | Saya pantas mengambil tindakan tanpa mengambil banyak masa untuk mengumpul maklumat maklumat berkenaan situasi terbabit. | .899 | | .701 | |



Jadual 13: *samb*

| | | | | | |
|-----|---|------|--|------|------|
| E10 | Saya mengalu-alukan pendapat yang kritikal untuk memperbaiki prestasi koperasi. | .871 | | .657 | |
| E11 | Saya menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi kawasan fungsian perniagaan saya. | .866 | | .508 | |
| E12 | Saya menggalakkan pekerja saya untuk membuat eksperimen dengan idea dan konsep baru bagi mencipta pendekatan inovatif. | .777 | | .557 | |
| E13 | Saya memberikan latihan dan pembangunan kepada pekerja koperasi. | .848 | | .655 | |
| E14 | Saya secara aktif mencari pengetahuan berkenaan pelanggan koperasi dan pasaran. | .856 | | | .779 |
| E15 | Saya sedar tentang produk/perkhidmatan dan struktur harga pesaing koperasi. | .854 | | | .626 |
| B16 | Saya tahu pulangan atas pelaburan kempen pengiklanan koperasi. | .767 | | | .855 |
| B17 | Saya tahu berapa untung kasar koperasi. | .891 | | | .627 |
| E18 | Untuk mengemaskini dengan teknologi dan maklumat, saya menyertai aktiviti pembelajaran melalui seminar, bengkel, pameran dagangan dan bercakap dengan pembekal. | .838 | | | .846 |
| E19 | Saya faham bagaimana penyata kewangan menggambarkan perniagaan koperasi. | .917 | | | .799 |

Jadual 13: samb

| E20 | Saya mengawasi, mentafsir dan memberi respon terhadap kejadian kompetitif luaran, ekonomi dan sosial. | .844 | | | .886 |
|---------------------------|--|----------|-------------------------|------------------------|------------------------|
| E21 | Saya secara kritikal menganalisa prestasi lalu dan peluang masa depan dan mengambil tindakan untuk meningkatkan prestasi koperasi. | .877 | | | .805 |
| E22 | Saya terlibat secara aktif dengan analisis pasaran. | .705 | | | .842 |
| E23 | Saya terlibat secara aktif dalam meninjau pelanggan koperasi. | .707 | | | .637 |
| Faktor | | | Pengetahuan Perancangan | Pengetahuan Kepimpinan | Pengetahuan Pengurusan |
| Nilai Eigen | | | 1.775 | 1.933 | 10.896 |
| Perats Varian | | | 8.068 | 8.785 | 49.525 |
| KMO | | .856 | | | |
| Ujian Sphericity Bartlett | | 4010.435 | | | |
| Df | | 231 | | | |
| Sig. | | .000 | | | |
| Jumlah % Varian | | 66.378 | | | |
| Item E5 digugurkan | | | | | |

Kebolehpercayaan Dimensi Item-item

Kebolehpercayaan Dimensi pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam dalam kajian ini dapat dilihat pada nilai Alfa Cronbach dari output analisis SPSS versi 21 yang ditunjukkan pada Jadual 14.

Jadual 14: Nilai Alfa Cronbach Bagi Item Mengikut Dimensi

| Dimensi | Item | Bil. Item | Alfa Cronbach |
|----------|--------------------------------------|-----------|---------------|
| B | Fenomena Kejayaan Koperasi Kredit | 4 | .623 |
| C | Penetapan Matlamat kesukaran | 4 | .639 |
| C | Penetapan Matlamat kejelasan | 5 | .830 |
| D | Personaliti Berorientasikan Tindakan | 4 | .832 |
| D | Personaliti Berorientasikan keadaan | 4 | .905 |
| E | Pengetahuan Perancangan | 7 | .835 |
| E | Pengetahuan Kepimpinan | 5 | .848 |
| E | Pengetahuan Pengurusan | 10 | .902 |
| F | Motivasi | 5 | .782 |
| G | Pembiayaan Secara Islam | 4 | .694 |
| | Keseluruhan | 53 | .937 |

Kaplan, (2004) dan Leech et al., (2005) menyatakan bahawa Alfa digunakan secara meluas kerana Alfa boleh memberi ukuran kebolehpercayaan dari satu sesi ujian ke atas instrumen menggunakan perisian SPSS. Mengikut Uma Sekaran (2007) nilai $0.6 < \alpha < 0.7$ adalah boleh diterima sebagai *moderate*. Manakala menurut Pallant (2001) pula, nilai indeks alpha sebanyak .7 atau ke atas adalah baik untuk skala instrumen yang mempunyai sepuluh atau lebih item, manakala nilai alpha sebanyak .5 pula dianggap baik untuk skala instrumen yang mempunyai kurang daripada sepuluh item. Nilai Alfa melebihi 0.60 sering digunakan oleh pengkaji-pengkaji sebagai indeks kebolehpercayaan dalam kajian (Mohd. Majid, 1990). Mengikut Nunnally (1978), semakin hampir nilai Alfa kepada angka 1, semakin tinggi kebolehpercayaan instrumen dalam kajian tersebut. Jadual 15 menunjukkan nilai Alfa Cronbach telah melepasi tanda aras seperti yang dinyatakan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu, ia menjadi petunjuk kebolehpercayaan instrumen dalam kajian ini amat baik.


Ujian Kenormalitian Data

Kaedah statistik Analisis Berganda dijalankan bagi memastikan data-data yang terkumpul berkeadaan normal dan membolehkan analisis statistik menepati prasyarat berikut:

(i) *Syarat Menjalankan Ujian Regresi*

Menurut Chua (2009), syarat untuk menjalankan ujian regresi ada empat perkara iaitu;

- (a) **Lineariti**; iaitu semua pemboleh ubah bebas yang juga disebut sebagai peramal haruslah berkorelasi secara linear dengan pemboleh ubah bersandar yang juga disebut sebagai *criterion*. Semaknan dapat dilihat melalui graf *scatterplot* dalam analisis ujian regresi pelbagai (*multiple regression*) di mana data-data menunjukkan berada dalam format garis lurus.



Rajah 1: Normal P-P plot of regression standardized residual

- (b) **Multicollinearity**; bagi ujian SPSS yang melibatkan lebih dari satu pemboleh ubah bebas, apabila wujud hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bebas yang lain, yang sangat kuat iaitu ($r > .90$). Ia dapat dilihat dengan melihat nilai *Collinearity Statistics Tolerance* dalam Jadual *Excluded Variable* dalam output SPSS. Pemboleh ubah peramal dengan nilai *collinearity* yang kurang daripada 0.1 bermasalah *multicollinearity*. Atau melihat Jadual Coefficients, nilai pemboleh ubah yang signifikan bernilai *collinearity* statistic VIF **lebih dari .9** (tanda lulus).

Jadual 15: Excluded variables^a

| Model | | Beta In | T | Sig. | Partial Correlation | Collinearity Statistics Tolerance |
|-------|----------------------------------|--------------------|--------|------|---------------------|--------------------------------------|
| 1 | Min Skor Matlamat Kesukaran | -.161 ^b | -2.544 | .012 | -.183 | .967 |
| | Min Skor Tindakan | -.030 ^b | -.450 | .653 | -.033 | .922 |
| | Min Skor Keadaan | .086 ^b | 1.195 | .234 | .087 | .777 |
| | min perancangan2 | .052 ^b | .725 | .470 | .053 | .766 |
| | Min Skor Kepimpinan | .090 ^b | 1.228 | .221 | .089 | .737 |
| | Min Skor Pengurusan | .090 ^b | 1.227 | .221 | .089 | .741 |
| | Min Skor Motivasi | .106 ^b | 1.687 | .093 | .122 | .996 |
| | Min Skor Pembiayaan Secara Islam | -.070 ^b | -.979 | .329 | -.071 | .774 |
| 2 | Min Skor Tindakan | .037 ^c | .534 | .594 | .039 | .792 |
| | Min Skor Keadaan | .130 ^c | 1.810 | .072 | .132 | .742 |
| | minperancangan2 | .057 ^c | .796 | .427 | .058 | .766 |
| | Min Skor Kepimpinan | .074 ^c | 1.021 | .308 | .075 | .731 |
| | Min Skor Pengurusan | .066 ^c | .909 | .364 | .067 | .728 |
| | Min Skor Motivasi | .117 ^c | 1.888 | .061 | .137 | .991 |
| | Min Skor Pembiayaan Secara Islam | -.058 ^c | -.810 | .419 | -.059 | .770 |

a. Dependent Variable: Min Skor Ukuran Kejayaan

b. Predictors in the Model: (Constant), Min Skor Kejelasan


c. Predictors in the Model: (Constant), Min Skor Kejelasan, Min Skor Matlamat Kesukaran

Jadual 16: Koefisien^a


| Model | | Unstandardized Coefficients | | Standardized Coefficients | t | Sig. | Collinearity Statistics | |
|-------|-----------------------------|-----------------------------|------------|---------------------------|--------|------|-------------------------|--------------|
| | | B | Std. Error | Beta | | | Tolerance | VIF |
| 1 | (Constant) | 4.314 | .245 | | 17.586 | .000 | | |
| | Min Skor Kejelasan | .328 | .041 | .500 | 7.909 | .000 | 1.000 | 1.000 |
| 2 | (Constant) | 4.763 | .300 | | 15.902 | .000 | | |
| | Min Skor Kejelasan | .347 | .042 | .529 | 8.353 | .000 | .967 | 1.034 |
| | Min Skor Matlamat Kesukaran | -.111 | .044 | -.161 | -2.544 | .012 | .967 | 1.034 |

a. Dependent Variable: Min Skor Ukuran Kejayaan

- (c) **Nilai ekstrem**; Analisa Regresi adalah sensitif kepada masalah nilai ekstrem (*outliers*), nilai data yang terlalu tinggi atau data yang terlalu rendah di dalam taburan data pemboleh ubah bersandar (*criterion*), oleh itu pengkaji perlu memastikan tidak ada nilai ekstrem dalam data. Nilai ekstrem dapat dikesan dengan melihat graf scatterplot atau Boxplot dalam output SPSS. Nilai ekstrem ialah yang bernilai rasidul piawai (*standard residual*) yang terletak di luar lingkungan ± 3.3 (Tanachnic & Fidell, 1996). Jadual 18 menunjukkan nilai rasidul piawai terletak di dalam ± 3.3 , maka tiada nilai ekstrem.



Rajah 2.1: Partial plot (b)



Rajah 2.2: Partial regression regression plot (a)

Jadual 17: Residuals statistics^a

| | Minimum | Maximum | Mean | Std. Deviation | N |
|----------------------|---------------|--------------|-------|----------------|-----|
| Predicted Value | 5.735 | 6.778 | 6.238 | .2573 | 190 |
| Residual | -1.1243 | .8618 | .0000 | .4180 | 190 |
| Std. Predicted Value | -1.954 | 2.097 | .000 | 1.000 | 190 |
| Std. Residual | -2.675 | 2.051 | .000 | .995 | 190 |

a. Dependent Variable: Measurement of Success Mean Score

- (d) **Singulariti**; keadaan di mana satu pemboleh ubah bebas (peramal) adalah hasil dari kombinasi pemboleh ubah - pemboleh ubah bebas yang lain. Ia dapat dilihat nilai kolerasi antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bebas yang lain itu mestilah tidak besar. Didapati semua hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bebas mempunyai nilai r yang kecil, ini menunjukkan hubungan antara sesama mereka adalah kecil dan lulus dari syarat *singularity*.

Jadual 18: Korelasi Antara Dimensi Kejayaan (pemboleh ubah dependen) dan Dimensi Independen (N=190)

| | Pemboleh Ubah | Korelasi Pearson | Sig. (1- tailed) |
|----|--------------------------------------|------------------|------------------|
| 1. | Penetapan Matlamat Jelas | .500 | .000 |
| 2. | Personaliti Berorientasikan Keadaan | .302 | .000 |
| 3. | Pengetahuan Perancangan | .282 | .000 |
| 4. | Pengetahuan Kepimpinan | .323 | .000 |
| 5. | Pengetahuan Pengurusan | .321 | .000 |
| 6. | Motivasi | .139 | .028 |
| 7. | Pembiayaan Secara Islamic | .183 | .006 |
| 8. | Penetapan Matlamat Kesukaran | -.065 | .188 |
| 9. | Personaliti Berorientasikan Tindakan | .112 | .061 |

Source: Output analisis Korelasi Pearson

Selepas empat syara Analisis Regresi ditepati, maka ujian regresi berganda *stepwise* SPSS akan dijalankan kepada data-data untuk mendapatkan objektif kajian ini.



KESIMPULAN

Meskipun dalam kajian ini adalah berkaitan dengan gelagat dan tingkah laku manusia yang boleh berubah-ubah, kemungkinan dalam kajian akan datang juga dapatannya sama atau pun berlainan. Justeru, adalah memadai dengan bukti penggunaan instrumen EPSI versi 2013 sebagai permulaan kajian berkaitan dengan sektor koperasi yang berhadapan dengan gelagat sumber manusia dan ke profesionalisme sektor koperasi yang lebih hebat di masa akan datang. Adalah diharapkan instrumen EPSI versi 2013 yang dapat digunakan pada masa akan datang pencapaian matlamat menerokai keupayaan koperasi sebagai penyumbang KDNK Malaysia sektor ketiga yang signifikan serta memajukan ummah Malaysia.

RUJUKAN

- Akta Koperasi (1993) (Akta 502) & Peraturan-Peraturan. Petaling Jaya: International Law Book Services
- Bicara Tokoh: pengukuhan rantaian perniagaan runcit koperasi: pemborongan merentasi sempadan satu alternatif, membuka dimensi baru dalam industri peruncitan & pemborongan koperasi di Malaysia.(2012). Retrieved from <http://www.mkm.edu.my/mkm-home-theme/images/mkm/pdf/majalahinfobil22012.pdf>
- Burns, N., & Grove, S.K. (1993). *The practice of nursing research: conduct, critique and utilization, and edition*. Philadelphia: W.B. Saunders.
- Gay, L. R. & Airasian, P. (2003). *Education research. competencies for analysis and applications*. (7th ed). New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Hair J.F. et al. (1998). *Multivariate data analysis*. New Jersey: Prentice Hall International Editions.
- Hair J.F., Anderson R.E., Tatham R.L., & Black W.C.(1998). *Multivariate Data Analysis*. New Jersey: Pearson Education International.
- Israel, G.D. (1992). *Determining sample size, fact sheet PEOD-6* University of Florida. Retrieved from <http://edis.ifas.ufl.edu>.
- Kamisan.(2004). *Faktor-faktor kewangan di Malaysia*. (Unpublish doctoral dissertations). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Kaplan, D. (2004). *The sage handbook of qualitative methodology for the social sciences*. London: Sage Publication.
- Kuhl, J. (1985). Volitional mediators of cognition-behavior consistency: Self-regulatory processes and action versus state orientation. *In Action control* (pp. 101-128). Springer Berlin Heidelberg.
- Leech, N. L., Barrett, K. C., & Morgan, G. A. (2005). *SPSS for intermediate statistics: Use and interpretation* (2nd ed). London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Meyer, J & Allen, N. (2006). *Commitment in the workplace: theory, research and application*. London: Sage Publication.
- Mohd. Majid Konting.(1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Sahandri Gani., Laily Paim., Sharifah Azizah., & Faizal M. (2013). *Buku panduan pembinaan instrument “anda dan kepenggunaan”*. Malaysia:Emeritus Publications.
- Nunally J.C. (1978). The study of changes in evaluation research: Principle concerning measurement, experimental design and analysis. In Struening, E.L. & Guttentag, M. (Eds.), *Handbook of evalution research* (pp.47-65). Beverly Hill: SAGE.
- Paige, R. C. (1999). *Craft retail entrepreneurs’ perceptions of success and factors effecting success*. (Doctoral dissertation). Retrieved from Proquest Digital Dissertations (UMI 9950110).
- Pallant, J. (2001). *SPSS survival manual*. Sydney: Ligare Sydney



- Rubin, B. R., Palmgreen P., & Sypher, H.E. (1994). *Communication research measures: A sources book*. New York: The Guilford Press.
- Sekaran, U. (2007). *Research methods in business: A skill building approach*. (3rd ed). New York: John Wiley & Son Inc.
- Stephens, P. R. (2000). *Small business and high performance management practices*. (Doctoral dissertation). Retrieved from Proquest Digital Dissertations. (UMI. 3040560).
- Sun, T. (2003). *Knowledge required to achieve entrepreneurial success*. (Unpublished Doctoral dissertations). University of Phoenix, Arizona.
- Valdez. M.E. (2009). *Resources, motivation and work family interface as antecedents of entrepreneurial success*. (Unpublished Doctoral dissertations). University of Hawaii, Hawaii.
- Yurkiewicz, J. (1996). *Determinants of entrepreneurial success:a cross-cultural study of goal-setting and self-regulation*. (Unpublished Doctoral dissertations). University of North Carolina, Chapel Hill.
- Zahiruddin A. (2011). *Faktor kejayaan industri kecil dan sederhana (IKS) dalam sektor perkilangan di Malaysia*. (Unpublished doctoral dissertations). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.